

Penyiaran Swasta di Malaysia Kebebasan dalam Kawalan

Asiah Sarji

International School of Arts, Sunandha Rejabhat University, Bangkok.

Rosidayu Sabran

Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrack

Tulisan ini meneroka isu bagaimana konsep kebebasan dalam kawalan berlaku dalam sistem swasta penyiaran di Malaysia dan apakah pola-pola kawalan yang wujud. Tulisan ini bertujuan untuk menjawab permasalahan kajian bahawa mengapa konsep penyiaran swasta di Malaysia berbeza dalam konteks konsep asal yang diamalkan di Amerika Syarikat yang berlandaskan prinsip libertarian, demokratik dan kapitalisme. Kaedah kajian persejarahan dan temubual mendalam telah digunakan. Fokus kajian tertumpu pada analisis terhadap landasan penyiaran dan pola rancangan yang disiarkan di stesen-stesen televisyen swasta Malaysia. Hasil kajian mendapati, selain unsur-unsur penswastaan itu diwujudkan melalui sistem televisyen kerajaan, namun pelbagai bentuk saluran televisyen swasta lain terus muncul. Apa yang menarik ialah pola kandungan rancangan diantara kedua-dua sistem ini tidak jauh berbeza. Apa yang berbeza ialah penekanan kepada rancangan hiburan lebih diberikan oleh penyiaran swasta dan sangat bermotifkan keuntungan. Kajian ini merumuskan walaupun stesen-stesen swasta menikmati kebebasan membuat

keuntungan, namun mereka perlu akur dengan peraturan-peraturan penyiaran yang ditentukan oleh pihak berkuasa. Mereka juga terikat dengan jangkaan dan kehendak khalayak bukan saja dari segi mutu tetapi dari segi kandungan yang perlu menepati pola pengamalan budaya dan kepercayaan rakyat Malaysia.

Kata Kunci: Penyiaran swasta, Kawalan Penyiaran, Kandungan Rancangan.

Pengenalan

Radio dan kemudiannya televisyen adalah medium yang sangat bersifat jelata sebelum berleluasanya pengaruh teknologi media baharu yang juga merangkumkan kedua-dua medium ini ke dalamnya. Jepun dan England adalah dua kuasa dunia yang terlibat secara langsung dalam pemindahan tradisi penyiaran ke Malaysia. Tulisan ini menjelaskan bagaimana landasan asas penyiaran yang ditinggalkan oleh kedua-dua penjajah ini mempengaruhi landasan operasi sistem swasta televisyen di Malaysia.

Latar belakang

Untuk meneliti sesuatu sistem media, dalam konteks tulisan ini sistem penyiaran swasta di Malaysia, teori yang dibentuk oleh Fred S. Siebert, Theodore Peterson dan Wilbur Schramm (1956) mengenai empat teori media mereka sangat wajar diberi perhatian, walaupun teori ini dilihat oleh ramai sarjana sebagai kurang berkaitan, dan sukar untuk dikaitkan dengan sistem media pada kurun ke 21 ini (Merrill & Nerone, 2002). Namun dalam aspek yang lain ia sangat kukuh untuk menjadi asas kepada melihat pembentukan sesuatu sistem media, dalam konteks ini sistem penyiaran di Malaysia.

Kertas ini tidak bercadang untuk memperhalusi teori ini namun akan cuba mengaitkan beberapa aspek teori ini dengan persoalan asas kajian iaitu mengapa

konsep penyiaran swasta di Malaysia berbeza dalam konteks konsep asal yang diamalkan di Amerika Syarikat yang berlandaskan prinsip libertarian, demokratik dan kapitalisme. Empat teori asas itu adalah Autoritarian, Libertarian, Tanggung Jawab Sosial dan sistem Komunis Soviet.

Dua teori yang berkaitan dengan isu yang diulaskan di dalam artikel ini iaitu teori libertarian dan tanggung jawab sosial. Teori libertarian lebih menjelaskan tentang falsafah pengurusan penyiaran bebas dan kerap dikaitkan dengan demokrasi dan kapitalisme. Pemikiran libertarian diasaskan pada hasil kerja Milton, Locke, Mill, dan Jefferson yang percaya bahawa hak mendapatkan kebenaran itu adalah hak asasi seseorang. Teori Tanggung Jawab Sosial pula kerap dirujuk sebagai suatu sistem pelaksanaan penyiaran yang mahukan media bersikap seimbang dan bertanggung jawab terhadap kesejahteraan khalayaknya.

Kajian kami juga menemui bahawa sejak awal pengenalan penyiaran di Amerika Syarikat, sistem yang dipilih lebih bersifat libertarian sementara penyiaran di Jepun dan England sebagai contoh, lebih berlandaskan prinsip tanggung jawab sosial. Namun Merrill (2002) mendapati bahawa telah berlaku perubahan aplikasi Libertarian kepada Tanggung Jawab Sosial di media di Amerika Syarikat sendiri.

Kajian ini menemui bahawa sistem penyiaran yang dibentuk sewaktu negara-negara di kawasan dunia ketiga masih dijajah ialah sistem yang dimodelkan dari negara-negara yang menjajah itu sendiri. Apa yang cuba diperkukuhkan di sini ialah terdapat perakuan para sarjana terhadap pendekatan tanggung jawab sosial dalam amalan penyiaran. Selain itu ditemui juga bahawa pendekatan ini digarapkan oleh negara-negara yang mengamalkan sistem ini terhadap negara-negara yang dijajah. Dalam

konteks ini Malaya pernah dijajah oleh Jepun (1942-1945) dan penjajah Inggeris selama hampir 40 tahun selepas penyiaran diperkenalkan dalam tahun 1920an.

Hampir semua stesen televisyen dan radio di Amerika Syarikat itu beroperasi secara swasta sejak radio diperkenalkan pada akhir kurun ke 19, yang percaya kepada prinsip-prinsip demokrasi, kapitalisme dan libertarianisme. Sekiranya model penyiaran libertarian di Amerika Syarikat itu telah berubah kepada model Tanggung Jawab Sosial (Merrill & Nerone, 2002), dari segi teorinya bagaimana sistem penyiaran swasta beroperasi di Malaysia? Sejauh manakah swasta dan libertariannya penyiaran swasta di Malaysia?

Kedua-dua kajian yang menjadi landasan tulisan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dan kaedah sejarah dalam pengumpulan data. Kedua-dua kaedah mengutamakan pendekatan temu bual mendalam dengan saksi-saksi terdekat dengan subjek yang dikaji, analisis dokumen dan analisis kandungan rancangan.

Beberapa konsep penting yang berkaitan dengan tulisan ini adalah konsep sosio-budaya, sistem dan kawalan. Dalam kajian ini konsep sosio-budaya membawa makna individu, kumpulan dan institusi, yang wujud dalam satu lingkungan sistem yang mengamalkan tingkahlaku-tingkahlaku atau kebiasaan, nilai, kepercayaan, dan bahasa serta cara hidup yang diamalkan turun-temurun.

Bagi maksud kajian ini juga, sistem ditakrifkan sebagai bahagian-bahagian utama dan bahagian-bahagian kecil yang wujud di dalam struktur pentadbiran dan rancangan penyiaran serta proses saling hubungan dan bergantung di antaranya. Struktur bahagian dan proses saling hubungan antaranya itulah yang membentuk

satu set sistem keseluruhan penyiaran.

Bagi McQuail (1987), konsep sistem itu dikaitkan dengan kawalan. Kawalan dalam tulisan ini bermaksud kuasa, desakan, pengaruh atau sesuatu keadaan yang menentukan bentuk dan pergerakan penyiaran dalam sesebuah negara. Bagi McQuail (1987) lagi, sistem media jelata adalah hasil keluaran dan cermin sejarah tempat ia wujud serta terkongkong oleh tekanan politik dan sosial tempatan. Dengan mengenal pasti bagaimana faktor-faktor persekitaran

politik dan sosio-budaya itu menembusi sempadan-sempadan sistem penyiaran radio, maka kesan hubungan terhadap perkembangan dan perubahan sistem penyiaran dapat dikenal pasti.

Hasil kajian

Hasil kajian dijelaskan dalam dua bahagian. Bahagian persejarahan penyiaran swasta dan bahagian penyiaran Malaysia moden. Hasil perbandingan dari kedua-dua situasi ini boleh memperlihatkan kedudukan penyiaran swasta yang diandaikan berada dalam sifat kawalan walaupun ia dikatakan bebas.

Bahagian persejarahan

Aktiviti penyiaran dalam bentuk wayarles telefoni telah berlangsung pada awal tahun 1920an oleh individu-individu dan melalui persatuan-persatuan wayarles. Aktiviti berpenyiaran dalam bentuk ini berlaku dengan meluas pada sepanjang tahun-tahun 20an tersebut. Kerajaan penjajah Inggeris telah bersedia berhadapan dengan keadaan uji kaji siaran radio dan aktiviti penubuhan syarikat-syarikat penyiaran kerana perkara yang sama berlaku di London. Dalam konteks ini kerajaan Inggeris di

Malaya mengambil sikap berdiam diri dalam hubungannya dengan tuntutan melaksanakan kegiatan penyiaran radio. Walaupun kerajaan tidak menggalakkan atau bertindak membenarkan mana-mana pihak membentuk aktiviti penyiaran tetap, kerajaan juga tidak meletakkan halangan pada persatuan-persatuan radio atau mana-mana pihak amatur untuk melakukan aktiviti penyiaran yang serius. Contohnya, aktiviti yang dilakukan oleh Persatuan Radio Pulau Pinang dan Persatuan amatur Radio Malaya (Malayan Amature Radio Society (MARS)).

Namun kerajaan sudah menyiapkan dasar dan peraturan penyiaran radio ini sejak awal tahun 1920an lagi dengan menyusun semula organisasi Jabatan Pos dan Telegraf; selain mengubahsuai undang-undang wayarles dan telegraf di England untuk kegunaan tempatan. Apabila timbulnya permohonan untuk mewujudkan perkhidmatan penyiaran radio oleh tiga buah syarikat penyiaran dalam tahun 1929 misalnya, permohonan mereka telah ditolak dengan alasan-alasan yang tidak jelas (C0. 273/Gul. 557. 1929-1930. Straits Settlements April 1929 - Februari 1930).

Namun kerajaan sudah menyiapkan dasar dan peraturan penyiaran radio ini sejak awal tahun 1920an lagi dengan menyusun semula organisasi Jabatan Pos dan Telegraf; selain mengubahsuai undang-undang wayarles dan telegraf di England untuk kegunaan tempatan. Apabila timbulnya permohonan untuk mewujudkan perkhidmatan penyiaran radio oleh tiga

buah syarikat penyiaran dalam tahun 1929 misalnya, permohonan mereka telah ditolak dengan alasan-alasan yang tidak jelas (C0. 273/Gul. 557. 1929-1930. Straits Settlements April 1929 - Februari 1930). Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Drew McDaniel (1994) yang merumuskan bahawa terdapat lima faktor utama yang dijangka mempengaruhi usaha-usaha melambatkan pembangunan penyiaran tetap dan penyiaran swasta di Malaya. Pertama, masalah kemelesetan ekonomi yang

berlaku di dalam tahun-tahun 1930an; kedua, masalah teknikal radio dianggap tidak mampu berfungsi dengan baik akibat gangguan persekitaran udara tropikal; ketiga, kurangnya sokongan daripada pihak publik; keempat, kesilapan pihak stesen-stesen amatur sendiri yang gagal menyiarkan rancangan-rancangan yang boleh menarik perhatian orang ramai; dan kelima wujudnya rancangan dari pihak Persidangan Pejabat Tanah Jajahan supaya pengguna-pengguna radio di tanah jajahan membayar lima syiling setiap satu radio sebagai bayaran perkhidmatan luar BBC kepada Malaya. Tindakan ini, menurut McDaniel (1994) lagi, telah membatalkan keputusan yang dibuat dalam tahun 1927 untuk menawarkan hak kepada para penyiar Malaya mengendalikan stesen secara swasta dan mengutip yuran lesen.

Dalam tempoh ini telah dikenal pasti bahawa keperluan terhadap sumber kewangan yang cukup, kemudahan teknikal yang berkualiti dan rancangan yang boleh menarik perhatian khalayak sebagai penentu kewujudan dan kejayaan stesen-stesen radio swasta sangat diingatkan oleh kerajaan. Namun masalah ini tidak dihiraukan oleh pengusaha-usaha radio swasta apabila mereka terus mengusahakan aktiviti siaran sehingga kerajaan mengeluarkan lesen sementara untuk mewujudkan Radio Service Company of Malaya Ltd. pada 1hb. April 1933. J. D. Newton, pemilik syarikat tersebut sedar lesen yang dikeluarkan secara sementara tersebut akan ditarik balik pada bila-bila masa saja.

Kesedaran ini timbul kerana kerajaan Inggeris tidak pernah bersetuju dengan cara pelaksanaan sistem penyiaran swasta, sama ada di United Kingdom sendiri apa lagi di tanah-tanah jajahannya. Sikap ini semakin menebal dalam tahun-tahun 1930an. Dari perspektif kerajaan Inggeris, dengan membiarkan pembangunan penyiaran radio secara sedikit-sedikit dan berpecah-pecah di negara-negara tanah jajahan, ia

akan menimbulkan banyak masalah dari segi keselamatan. Malah dalam laporan kerajaan Malaya kepada Jawatankuasa Komunikasi Imperial dalam tahun 1936, kerajaan Malaya ada menyatakan hasrat mereka untuk tidak bersetuju perkhidmatan penyiaran di tanah jajahan di kawal oleh syarikat-syarikat perniagaan atau golongan-golongan persendirian.

Dari segi kandungan, tidak terdapat banyak perbezaan kandungan yang disiarkan oleh saluran-saluran radio persendirian sebelumnya, dengan siaran oleh British Malayan

Broadcasting Corporation (BMBC) yang terbentuk pada 21hb. Julai 1936. Apa yang ketara, saluran-saluran radio persendirian ini memulakan tradisi siaran pelbagai bahasa yang dianuti kemudiannya oleh Radio Syonan atau Radio Malaya Singapura (sewaktu di bawah kekuasaan tentera Jepun dan Radio Malaya Kuala Lumpur). Tradisi penyiaran rancangan dalam pelbagai bahasa diteruskan oleh syarikat radio kabel yang dikenali sebagai Redifussion (Hashim, 1997). Stesen radio ini lebih dikenali oleh para pendengar China di kawasan bandar bandar utama di Malaysia.

Penyiaran Televisyen Swasta Era Malaysia Moden

Sejak awal tahun 80-an Malaysia telah melaksanakan penilaian semula banyak dasar kerajaan yang didorong oleh faktor ekonomi seperti langkah-langkah ke arah meliberalisasikan sektor tempatan untuk meningkatkan ekonomi negara (McDaniel, 1994). Dasar pelaburan asing dilonggarkan dan penglibatan dalam ekonomi antarabangsa berubah. Penswastaan dan Perbadanan Malaysia adalah antara dasar utama yang mendorong Malaysia ke dalam sistem kapitalis (Torii, 1997). Dasar Pandang ke Timur dan penswastaan syarikat awam terpilih adalah antara

pertimbangan paling penting dalam memetakan negara ke pasaran ekonomi dunia. Kedua-dua dasar ini juga penting kerana mereka mempengaruhi pembentukan industri televisyen swasta di Malaysia.

Atas landasan tersebut stesen televisyen swasta yang pertama iaitu TV3 mula beroperasi pada 1 Jun 1984 diikuti oleh televisyen swasta kedua dan stesen televisyen keempat (FTA), Metrovision, dilancarkan pada tahun 1995. Stesen ini telah dianugerahkan kepada Metropolitan TV, sebuah konsortium dari Melewar Corporation, yang dimiliki oleh 'Tunku Abdullah dari keluarga kerajaan Negeri Sembilan (Nain, 1996). Stesen ini beroperasi di Lembah Klang, memberi tumpuan kepada penonton muda dan banyak terlibat dengan kandungan berbahasa Cina (Hashim, 1997).

Tahun-tahun 1990an adalah tahun paling rancak pertumbuhan stesen televisyen swasta. Televisyen berbayar pertama dan perkhidmatan televisyen berasaskan kabel, Mega TV, mula beroperasi pada 1995 di bawah Cableview Services Sdn Bhd, salah satu kumpulan syarikat TV3. Walau bagaimanapun, ia berhenti beroperasi pada September 2001 akibat kekangan kewangan dan persaingan dengan ASTRO (Yasin, 2004). Mega TV menawarkan penghantaran siaran 24 jam melalui 8 saluran semasa operasi (Khattab, 2006). ASTRO, stesen televisyen satelit pertama negara, muncul pada tahun 1996. Ia menawarkan perkhidmatan berasaskan langganan dengan 32 saluran televisyen tidak termasuk 16 saluran radio apabila ia dimulakan. (Khattab, 2006). ASTRO dimiliki oleh, Ananda T. Krishnan dan bekas Ketua Polis Negara polis, Hanif Mohamad Omar, di bawah Binariang Sdn Bhd (Nain, 1996). Ia menawarkan 56 saluran pada tahun 2006 (Sarji, 2007).

Sementara itu stesen televisyen swasta percuma yang ke lima muncul pada tahun 1998 (Hasim, Sarji, & Gunaratne, 2000). Stesen ini terjejas akibat kemelesetan ekonomi pada akhir tahun 1997 sebelum memutuskan untuk bergabung di bawah Media Prima Berhad pada tahun 2005. Pada bulan April 2006 ia diberi jenama baru - TV9. Lesen televisyen satelit kedua di Malaysia pula telah dianugerahkan, kepada Vincent Tan Chee Yioun pada Julai 2004, juga pemilik MiTV Corporation. MiTV memulakan operasi dengan 50 saluran yang terhad kepada kawasan bandar sekitar Lembah Klang (Sarji, 1982). Menjelang tahun 1997 sudah ada lima saluran terrestrial dan satu saluran televisyen satelit dalam industri penyiaran Malaysia. TV alHijrah, sebuah stesen komersil yang dilesenkan di bawah Al-Hijrah Media Corporation diperkenalkan pada 1 Disember 2010 di 5 daerah awal iaitu Lembah Klang, Terengganu, Mersing, Sabah dan Sarawak. Stesen ini menfokus kepada penonton berumur antara 18-39 tahun. TV alHijrah menyiarkan 60% kandungan tempatan, dengan 30% program diterbitkan sendiri dan 10% diimport (Mohammed, 2015). Namun pola kandungan di semua saluran ini kerap berubah sama ada dari segi kuantiti mahupun dari segi genre rancangan. Masuk ke tahun 2020 pelbagai saluran televisyen digital bersifat maya muncul sementara yang sedia ada seperti ASTRO menambahkan saluran.

Analisis hasil kajian

Apa yang menarik tentang perkembangan penyiaran swasta ini ialah, walaupun pada peringkat awalnya perkembangan lembab dan sukar diterima oleh pemerintah namun masuk ke tahun 2020 perkembangannya tersangat cepat terutama selepas berleluasanya aplikasi digital dalam industri komunikasi ini. Pertumbuhan saluran-saluran swasta dan persendirian ini terus berlaku.

Selain itu, kajian ini juga menemui dua perkara utama tentang kaitan di antara konsep bebas dan kawalan. Pertama amalan penerapan dasar pembangunan negara melalui rancangan- rancangan radio dan televisyen dalam pelbagai bahasa sejak diwujudkan pada awal kurun ke 20 hingga ke abad 21 telah diterima sebagai suatu budaya. Contohnya, sewaktu penyiaran Malaya ditadbir oleh Pendudukan Tentera Jepun ideologi *Hokko Ichiu telah* diterapkan ke dalam setiap saat masa siaran ke udara dari stesen-stesen di negara-negara yang dijajahnya. Ideologi ini mahu menjadikan rakyat di negara-negara Asia, terutama rakyat di negara-negara yang ditawannya, melihat negara Jepun sebagai sumber cahaya dalam kehidupan mereka (Akashi, 1971). Keadaan ini berlaku juga pada zaman penjajahan Inggeris. Sehingga apabila pendekatan penswastaan hendak dalam tahun 80an, pendekatan yang sama diaplikasikan seperti menerapkan dasar kebudayaan kebangsaan dasar perpaduan dan banyak lagi melalui pelbagai rancangan terutama rancangan-rancangan bermaklumat (Shaari, 1997). Penerapan ini dilakukan dalam bentuk garis panduan Dasar-dasar kerajaan sangat jelas selitkan dalam majoriti kandungan rancangan televisyen. Penerapan ini didapati lebih ketara di saluran televisyen awam berbanding saluran swasta. Ini kerana televisyen swasta disifatkan telah diberi kebebasan yang lebih besar untuk menyiarkan program mengikut *niche* perniagaan mereka.

Kajian kami juga mendapati bahawa aktiviti penswastaan penyiaran diterima dan dibantu pembangunannya oleh kerajaan secara terbuka dalam pelbagai bentuk kerana pihak kerajaan yakin industri ini dapat menjana pendapatan negara yang lumayan, Pada masa yang sama kajian ini juga mendapati tidak terdapat banyak perbezaan kandungan di antara produk yang dihasilkan oleh stesen televisyen swasta dengan yang dihasilkan oleh kerajaan. Aspek kandungan juga masih

berorientasikan pembangunan negara tidak kira dalam apa jua bentuk atau Bahasa siaran. Pendekatan pengurusan penyiaran begini dijangka kekal walaupun berlaku perubahan kepada rejim pemerintahan atas faktor faktor pembudayaan rancangan tersebut.

Kajian ini mengandaikan sedang berlaku proses pembudayaan kandungan tempatan yang bersifat seperti yang khalayak mahu di semua stesen televisyen di Malaysia berasaskan citarasa budaya tempatan. Kandungan penyiaran di Malaysia telah diberi acuan tertentu oleh dua penjajah, Jepun dan England. Penelitian ini mendapati perubahan kepada pengurusan kandungan kepada suatu cara lain seperti yang pernah diasaskan oleh kedua-dua penjajah ini, agak sukar dilakukan. Dalam konteks itu membawa kaedah penyiaran swasta berlandaskan kapitalisme dari mana-mana acuan lain tidak mungkin terhasil. Secara semula jadi ia akan dinutrasialisasikan oleh arus citarasa dan budaya setempat.

Kesimpulan

Kedua-dua kajian ini mengukuhkan beberapa pandangan ilmuan penyiaran bahawa persekitaran sosio-budaya, ekonomi dan politik menentukan dasar, sistem dan pola rancangan. Kajian di Malaysia mengenai sistem dan dasar penyiaran ada membuktikan bagaimana pendekatan berpenyiaran penjajah mempengaruhi pendekatan berpenyiaran negara. Bagaimanapun tulisan ini tidak menyentuh isu kebebasan dan kawalan dalam rancangan-rancangan bersifat perucapan seperti rancangan-rancangan forum. Sejauh manakah kebebasan kawalan wujud.

Rujukan

Akashi, Y. (1971). The Japanization Program in Malaya with particular Reference to the Malays'. Paper presented at the The Annual Meeting of the American Political Science Association, Chicago, Illinois.

Hashim, R. (1997). At the crossroads of terrestrial and ET whither Broadcasting? *Asian Journal of Communication*, 7(2), 34-56. doi: <https://doi.org/10.1080/01292989709388306>

Hasim, S. M., Sarji, A., & Gunaratne, S. A. (2000). *Malaysia*. New Delhi: Sage Publications India Pvt Ltd.

Khattab, U. (2006). 'Non'Mediated Images: Public Culture and (State) Television in Malaysia.

International communication gazette, 68(4), 347-361.

McDaniel, D. O. (1994). *Broadcasting in the Malay world: Radio, television, and video in Brunei, Indonesia, Malaysia, and Singapore*: Greenwood Publishing Group.

McQuail, D. (1987). *Mass communication theory: An introduction*: Sage Publications, Inc.

Merrill, J. C., & Nerone, J. C. (2002). The four theories of the press four and a half decades later: A retrospective. *Journalism Studies*, 3, 133-136.

Mohammed, R. (2015). The impact of character branding through media: A case study of TV al-Hijrah's Ustaz celebrity programme. *Journal of Islamic Research*, 9(2), 88-105.

Nain, Z. (1996). The impact of the international marketplace on the organisation of Malaysian television. *Contemporary television: Eastern perspectives*, 157-180.

Sarji, A. (1982). The historical development of broadcasting in Malaysia (1930–1957) and its social and political significance. *Media Asia*, 9(3), 150-160.

Shaari, H. (1997). Influences on ethics in news production: The socio-cultural and political influences on the mass media in Malaysia. Centre for Mass Communication Research, University of Leicester.

Siebert, F. T., Peterson, T. B., & Schramm, W. (1956). *Four theories of the press: The authoritarian, libertarian, social responsibility, and Soviet communist concepts of what the press should be and do*: University of Illinois press.